

Lima kertas siasatan di seluruh negara dibuka membabitkan kerugian RM508,261

Polis siasat kes penipuan e-baucar

Oleh AZMI NORDIN

KUALA LUMPUR – Polis Diraja Malaysia (PDRM) membuka lima kertas siasatan di seluruh negara berhubung kegiatan penipuan aplikasi di dalam talian melibatkan tawaran e-ganjaran dan e-baucar membabitkan kerugian berjumlah RM508,261.

Setiausaha PDRM, Datuk Noorsiah Mohd. Saaduddin berkata, siasatan mendapati tawaran melalui aplikasi dalam talian itu diperkenalkan pada 2020 yang membabitkan pembelian barangan dan perkhidmatan menggunakan e-dompot.

“Bagi setiap pembelian yang dibuat, pengguna akan diberikan penjimatan sehingga 50 peratus dan turut menerima mata gambaran yang boleh ditebus menerusi pembelian barangan atau wang tunai yang akan dikreditkan ke dalam akaun,” katanya dalam satu kenyataan di sini semalam.

Bagaimanapun menurut Noorsiah, segalanya menjadi masalah pada penghujung tahun



NOORSIAH

2022 apabila pengguna tidak lagi boleh membuat pembelian dan penebusan mata ganjaran.

“Justeru itu, kes disiasat di bawah Seksyen 420 Kanun Keseksaan. Pihak kami akan meneruskan siasatan dan berkolaborasi dengan agensi lain untuk tindakan lebih tegas,” katanya.

Terdahulu, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) melakukan serbuan ke atas premis yang mengoperasikan sindiket penipuan yang dilaporkan ini.



SKIM penipuan tawaran e-baucar atau e-ganjaran turut menggunakan nama tokoh-tokoh terkenal bagi memperdayakan mangsa. – GAMBAR HIASAN

Siasatan telah dijalankan pihak KPDN di bawah Seksyen 4(1) dan Seksyen 27B Akta Jualan Langsung dan Skim Anti Piramid 1993.

Sebelum ini, media melaporkan kira-kira 100 laporan polis dibuat membabitkan kerugian hampir RM5 juta berhubung penipuan tawaran baucar atau e-

ganjaran.

Penipuan berkenaan turut menggunakan nama tokoh terkenal, kerabat diraja, bekas pegawai kerajaan dan agamawan.